

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA :

**YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH :

18 JUN 2014

SOALAN :

YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) Berapakah jumlah kit rawatan "Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis" (CAPD) diagihkan seluruh Malaysia mengikut pecahan setiap negeri kepada pesakit buah pinggang kritikal yang telah dijanjikan sebanyak 1,000 unit CAPD oleh YAB Perdana Menteri pada Bajet 2013; dan
- (b) Apakah Kementerian akan meneruskan program ini pada tahun 2015.

Tuan Yang Di Pertua,

Rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)* merupakan rawatan yang dijalankan di rumah oleh pesakit sendiri. Rawatan CAPD adalah dengan menggunakan bahan konsumabel termasuk cecair khas

yang disediakan. Bahan konsumabel dibekalkan kepada pesakit setiap bulan. Semasa Bajet 2014 diumumkan, kelulusan peruntukan untuk merawat 1,000 pesakit dengan kaedah rawatan CAPD telah diumumkan iaitu sebanyak RM19 juta.

Dibawah Bajet 2014, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima RM16 juta untuk perluasan rawatan CAPD. Dengan peruntukan yang disediakan dengan mengambil kira kos rawatan CAPD (RM25,000/pesakit/tahun) seramai 635 dapat dirawat dengan kaedah rawatan CAPD.

Pecahan pesakit mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Pesakit Rawatan CAPD
Perlis	5
Kedah	40
Pulau Pinang	50
Perak	48
Selangor	92
Negeri Sembilan	35
Melaka	20
Johor	54
Kelantan	42
Terengganu	44
Pahang	45
Sarawak	53
Sabah	72
Kuala Lumpur (HKL)	35

Tuan Yang Di Pertua,

KKM telah memohon peruntukan tambahan di bawah Dasar Baru 2015 supaya dapat meneruskan program ini pada tahun 2015.